



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 23 / 2022

PERMOHONAN UNDI POS DALAM DAN LUAR NEGARA BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) mengambil maklum akan pengisytiharan pembubaran Parlimen Penggal ke-14 yang telah dibuat oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri Malaysia setelah diperkenan oleh KeBawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada **10 Oktober 2022 (Isnin)**.
2. Sehubungan dengan itu, SPR ingin memaklumkan permohonan undi pos dalam dan luar negara bagi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU Ke-15), kini dibuka serta-merta. Manakala, tarikh tutup permohonan akan dimaklumkan kelak selepas SPR bermesyuarat bagi menentukan tarikh-tarikh pilihan raya.
3. Seterusnya untuk permohonan undi pos bagi **Kategori 1A** (Petugas Pilihan Raya, Ahli/Pegawai SPR, Anggota Polis, Anggota Tentera, dan Petugas Media), hendaklah memohon secara manual

menggunakan Borang 1A yang dimuat turun dari portal rasmi SPR di <https://www.spr.gov.my>, dan dihantar ke Pejabat Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya berkenaan. Alamat dan maklumat Pejabat Pegawai Pengurus boleh dirujuk di portal rasmi SPR jua.

4. Manakala, bagi **Kategori 1B** (warganegara Malaysia yang berada di luar negara) & **1C** (agensi/organisasi) pula, permohonan hendaklah dikemukakan secara dalam talian (online) melalui portal berikut: <https://myspr.spr.gov.my/login>.
5. SPR juga ingin memaklumkan bahawa satu mesyuarat khas bagi membincangkan dan menentukan tarikh-tarikh penting PRU Ke-15 dengan turut mengambil kira pelaksanaan Pilihan Raya Kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) N.66 Bugaya, Sabah akan diadakan pada satu tarikh yang akan dimaklumkan kelak.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

10 Oktober 2022 / 13 Rabiulawal 1444H